

BAB 1: MENGENALI SEJARAH

BAHAGIAN A Soalan Objektif


1.1 PENGERTIAN SEJARAH

- 1 Dalam bahasa inggeris, sejarah ialah *history*. *History* berasal daripada bahasa Yunani, *historia* yang bererti
- A riwayat C keturunan
B salasilah D penyelidikan
- 2 Sejarah berasal daripada perkataan “*syajaratun*” yang bermaksud
- A kisah C gunung
B pokok D sumbangan
- 3 Menurut kamus dewan, sejarah didefinisikan sebagai
- A fakta C kehidupan
B Asal usul D Tindakan manusia

1.2 PENGERTIAN SEJARAH MENGIKUT PANDANGAN SEJARAWAN

- 4 Herodotus ialah sejarawan yang mula menggunakan perkataan *historia*.
- Apakah** pengertian sejarah menurut beliau?
- I Kehidupan bandar
II Iktibar pada masa hadapan
III Sebab berlakunya sesuatu peristiwa
IV Penceritaan tentang tindakan manusia
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

- 5 Rajah berikut menunjukkan pengertian sejarah yang dinyatakan oleh tokoh X.



Siapakah tokoh X?

- A E.H. Carr C Ibn Khaldun
B Herodotus D Khoo Kay Kim

- 6 Sejarah merujuk kepada peristiwa masa lalu yang diperolehi berdasarkan

- A bukti C percakapan
B cerita D pemahaman

1.3 MASA SILAM DAN RUANG DALAM SEJARAH

- 7
Rentetan peristiwa yang berlaku secara teratur mengikut urutan masa dari awal hingga akhir.

Apakah X?

- A Masa C Kronologi
B Zaman D Perkembangan


- 8 Konsep masa boleh diukur mengikut zaman, seperti Sebelum Masihi (SM) dan Masihi (M).

Bilakah zaman Masihi bermula?

- A Kematian Nabi Isa AS
B Kelahiran Nabi Isa AS
C Kematian Nabi Muhammad SAW
D Kelahiran Nabi Muhammad SAW

1.4 SUMBER SEJARAH

- 9 Senarai berikut ialah contoh sumber primer.



Apakah X?

- A Jurnal C Ensiklopedia
B Majalah D Fail rasmi jabatan

- 10 Sumber sekunder ialah bahan yang telah diolah dan diterbitkan.

Antara berikut, yang manakah yang manakah boleh dikategorikan sebagai sumber sekunder?

- I Risalah
II Manuskrip
III Surat peribadi
IV Dokumen rasmi
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

1.5 PENYELIDIKAN DALAM SEJARAH

- 11 Antara sumber sejarah berikut, yang manakah merujuk kepada sumber yang dihasilkan melalui kaedah tulisan?
- A Cerita rakyat
 - B Rakaman video
 - C Kepercayaan kaum
 - D Lakaran pada dinding gua

- 12 Ilmu mengkaji dan menganalisis tulisan kuno pada daun lontar, papirus, tanah liat atau batu dikenal sebagai
- A epigrafi
 - B geografi
 - C paleografi
 - D demografi

- 13 Senarai berikut merupakan sumber sejarah.

- Tembikar
 - Mata lembing
 - Batu nisan

Sumber sejarah tersebut boleh diperolehi melalui kaedah

- A lisan
- B tulisan
- C Arkeologi
- D Rakaman

- 14 Arkeologi bawah air ialah kajian saintifik tentang sejarah peninggalan manusia yang terdampar di dasar laut, sungai atau tasik. Di negara kita, pembangunan bidang arkeologi bawah air diletakkan di bawah tanggungjawab
- A Jabatan Warisan Negara
 - B Jabatan Maritim Malaysia
 - C Pusat penyelidikan Langkawi
 - D Pusat Penyelidikan Arkeologi Global

- 15 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa penentangan tokoh tempatan terhadap British.

Kebangkitan Tok Janggut menentang pihak British di Pasir Puteh, Kelantan

Pengkaji tempatan melihat faktor kebangkitan Tok Janggut disebabkan oleh?

- A Pembesar kehilangan kuasa
- B Kampung halaman dimusnahkan
- C Peraturan cukai tanah diperkenalkan
- D Keganasan pegawai barat terhadap penduduk tempatan

1.6 TAFSIRAN DALAM SEJARAH

- 16 Mengapakah wujudnya perbezaan tafsiran dalam penyelidikan sejarah?
- A Perbezaan pandangan
 - B Perbezaan penyelidikan
 - C Berlainan tempat asal
 - D Berlainan kaedah pengkajian

- 17 Tafsiran tentang sesuatu peristiwa sejarah yang sama mungkin berbeza antara sejarawan. Mengapakah berlaku demikian?

- I Perbezaan ideologi
 - II Perbezaan keturunan
 - III Pemilihan calon yang pelbagai
 - IV Pemilihan sumber yang pelbagai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

1.7 KEPENTINGAN MEMPELAJARI SEJARAH

- 18 Apakah kepentingan kita mempelajari sejarah?

- I Membentuk sifat berani
 - II Menghayati cerita masa lampau
 - III Melahirkan rasa bangga terhadap negara
 - IV Mengukuhkan perasaan jati diri
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 19 Mengapakah kita patut menghayati sejarah tanah air?

- A Berbangga menjadi warganegara
- B Bersedia menghadapi perubahan
- C Berani menuntut hak individu
- D Berusaha memajukan negara

- 20 Mengapakah mata pelajaran sejarah diberikan penekanan dalam sistem persekolahan di sekolah kita pada hari ini?

- A Memupuk semangat cinta akan negara
- B Mengagung-agungkan peristiwa sejarah
- C Membangkitkan semula kegemilangan tanah air
- D Mengenang peristiwa yang pernah berlaku di tanah air